

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-41
RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM), 30 OGOS 1998

Syukur Alhamdulillah pada tahun ini genap 41 tahun negara kita mencapai kemerdekaan. Dan selama itu juga kita telah bertungkus-lumus berusaha untuk mengisi kemerdekaan negara dengan segala macam pembangunan dan kemajuan untuk rakyat. Berkat ketekunan kerja dan komitmen rakyat jelata selama itu, negara kita pesat membangun dan menjadi makmur. Ekonomi kita berkembang dengan purata lapan peratus lebih setahun dalam tempoh satu dekad yang lepas. Rakyat kita hidup maju, aman dan bahagia.

2. Kita berjaya menyediakan pelbagai kemudahan untuk kesejahteraan rakyat. Semua lapisan rakyat kita dapat menikmati hasil kekayaan dan kemakmuran negara. Tidak ada sesiapa pun yang tertinggal dalam kemajuan negara. Semuanya mendapat habuan secara adil dan saksama. Sesiapa yang lebih berusaha mendapat lebih banyak nikmat.

3. Di samping itu juga kita berjaya menyatukan rakyat kita yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum, dengan berbagai-bagai bahasa, budaya dan agama. Pertelingkahan kaum yang serius tidak berlaku. Setiap masalah perselisihan kaum diselesaikan di meja rundingan. Perasaan hormat menghormati dan toleransi di antara kaum telah membolehkan rakyat kita hidup dengan penuh aman dan harmoni. Dunia luar juga kagum dengan pencapaian ini.

4. Kita boleh berbangga dengan kemerdekaan negara kita. Ada negara yang telah lama mencapai kemerdekaan tetapi masih tidak dapat mencapai keamanan dan kemajuan. Kita di Malaysia sebaliknya dapat mengorak langkah panjang mengejar cita-cita besar kita, iaitu Wawasan 2020. Selama empat dekad yang lalu rakyat Malaysia berusaha selangkah demi selangkah untuk membangun dan memajukan negara. Demikianlah berjayanya ketekunan rakyat sehingga Malaysia digelar sebagai salah sebuah "harimau ekonomi" Asia.

5. Tetapi, alangkah terkejut dan terperanjatnya kita apabila tiba-tiba sahaja ekonomi negara kita cuba dihancurkan melalui serangan ke atas matawang dan pasaran saham kita. Negara kita telah dijadikan korban nafsu rakus mereka yang tamak dan mahu mendapat keuntungan besar. Kini sudah lebih setahun ekonomi negara kita mengalami tekanan oleh pihak asing ini. Kita telah mengalami kerugian yang amat besar. Nilai Ringgit kita telah jatuh kira-kira 60 peratus sementara hampir RM500 bilion modal telah dihapuskan daripada pasaran saham kita. Akibat serangan tersebut, pendapatan per kapita kita juga telah merosot kepada AS\$2,000 daripada AS\$5,000. Perangkaan suku pertama tahun 1998 menunjukkan KDNK tahunan bukan sahaja tidak tumbuh tetapi merosot sebanyak 1.8 peratus. Memandangkan masalah ekonomi yang terus dihadapi kita terpaksa menyemak kadar pertumbuhan kita kepada susutan sebanyak satu peratus atau lebih bagi tahun 1998 berbanding dengan perkembangan lapan peratus lebih 10 tahun berturut-turut dahulu.

6. Banyak syarikat dan bank kita menjadi tenat. Ada yang sudah muflis. Sudah ada ramai pekerja yang hilang pekerjaan. Hasil pendapatan perniagaan telah

berkurangan dan cukai Kerajaan menurun sehingga perbelanjaan terpaksa dikurangkan dan banyak khidmat dan pembangunan yang penting tidak dapat diadakan. Dengan tertanggungnya beberapa projek pembangunan maka banyak industri dan pekerja hilang mata pencarian mereka.

7. Usaha melemahkan kita oleh apa yang dikatakan 'kuasa pasaran' yang kononnya ingin mendisiplinkan Kerajaan hampir berjaya. Kita hampir jatuh tersungkur. Mereka telahpun berjaya melumpuhkan ekonomi beberapa negara jiran di rantau ini dan Asia Timur sehingga terpaksa diletak di bawah kuasa badan antarabangsa. Mereka telah berjaya mencetuskan kekecohan dan rusuhan politik di negara-negara ini. Rakyat negara-negara berkenaan mengalami kesengsaraan dan penderitaan sehingga mereka terpaksa bertindak liar merompak kedai-kedai untuk mendapat bekalan makanan dan lain-lain. Dengan itu keadaan menjadi lebih buruk dan pemulihan ekonomi menjadi lebih sukar. Melihat keadaan ini, mereka yang mencetuskannya begitu gembira dan menyalahkan Kerajaan- Kerajaan negara ini yang kononnya tidak cekap dan tidak jujur dalam mentadbirkan negara. Bahawa Kerajaan- Kerajaan inilah yang membangunkan negara mereka dengan begitu pesat dahulu dilupakan sama sekali.

8. Setelah berjaya mengheret negara-negara berkenaan supaya tunduk kepada Tabung Wang Antarabangsa (IMF) kerana memerlukan bantuan, kini 'kuasa pasaran' nampaknya mengalih tumpuan kepada negara kita. Mereka cuba memecahkan perpaduan rakyat dan sokongan mereka kepada Kerajaan. Mereka juga sengaja cuba mematahkan sebarang usaha yang diambil oleh kita untuk memulihkan ekonomi negara.

9. Alhamdulillah sehingga kini kita masih dapat mempertahankan negara kita. Oleh kerana pembangunan negara kita diasaskan kepada usaha kita, kewangan kita, sistem dan dasar-dasar kita, maka hutang antarabangsa kita tidak menjadi beban yang terlalu berat untuk kita pikul. Kita tidak perlu hutang daripada badan antarabangsa untuk membayar hutang luar kita. Kita telah kurangkan keperluan matawang asing dengan mengurangkan import kita dan meningkatkan eksport kita. Kita sedang menyusun dagangan luar kita supaya mengguna matawang rakan dagangan kita. Inflasi dapat kita kawal dan pekerja serta kesatuan-kesatuan kita tidak menuntut kenaikan upah atau mengambil tindakan perusahaan.

10. Kita telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk membentuk dasar dan pendekatan bagi menangani masalah-masalah yang sering timbul daripada kejatuhan nilai matawang dan saham. Majlis ini telah mengeluarkan garis panduan yang lengkap untuk semua bidang supaya kita semua bergerak dan bertindak secara teratur. Besar kemungkinan jika rancangan MTEN ini dilaksanakan, kita akan dapat memulihkan semula ekonomi kita.

11. Tetapi malangnya ternampak pihak orang asing tidak ingin melihat kita memulihkan ekonomi negara kita. Apabila sahaja kita membuat sesuatu untuk memulihkan ekonomi kita, mereka menyerang matawang dan pasaran saham

kita. Dengan itu masalah kita bertambah dan memerlukan strategi lain untuk mengatasinya. Apabila kita cuba mengurangkan tekanan ke atas bank dan syarikat kita dengan menubuhkan Danaharta dan menambah modal bank kita, pihak mereka sengaja menurunkan kredit ' rating' kita supaya faedah hutang luar naik dengan mendadak. Dengan itu kita sukar mendapat pinjaman untuk membiayai pemulihan bank dan syarikat kita.

12. Tujuan mereka ialah supaya kita tidak dapat memulihkan ekonomi kita dan dengan itu kita terpaksa meminta pertolongan badan antarabangsa. Apabila kita meminta bantuan maka mereka akan mengenakan syarat tertentu, terutama syarat supaya kita membuka pasaran kita kepada bank dan syarikat mereka sehingga mereka boleh menguasai ekonomi kita sepenuhnya. Penyusunan semula masyarakat dan ekonomi untuk mengagihkan kekayaan negara kita secara adil dan saksama kepada semua kaum akan tidak dipatuhi oleh mereka kerana bagi mereka pasaran mestilah bebas dan tidak dikawal oleh Kerajaan. Dengan ini mereka boleh mengaut keuntungan yang terbesar mungkin untuk diri mereka tanpa menghiraukan kepentingan kita. Kita hanya akan menjadi pekerja mereka.

13. Mereka menafikan bahawa ada pakatan oleh mereka untuk menguasai negara kita. Tetapi sama ada pakatan ada atau tidak, hakikatnya ialah kita akan menjadi begitu miskin dan daif sehingga mereka boleh mengambilalih ekonomi negara kita. Kemudian sudah tentu mereka akan menguasai politik kita juga. Kita dapat lihat bagaimana mereka berjaya menukar kepimpinan beberapa negara dengan menghasut rakyat dengan dakwaan bahawa masalah ekonomi yang menyerang negara adalah disebabkan oleh korupsi dan tidak telusnya Kerajaan. Bahawa Kerajaan yang sama yang dahulu memajukan negara dan rakyat tidak diambilkira oleh mereka.

14. Walaupun rakyat kita belum merasai tekanan yang dahsyat tetapi di beberapa negara Asia Timur keadaan ekonomi sudah begitu buruk sehingga berjuta-juta orang menganggur. Mengikut laporan media Barat bilangan yang bunuh diri meningkat dengan mendadak. Penganggur terpaksa meminta sedekah, tidur di bawah jambatan dalam kotak, meninggalkan keluarga yang mereka tidak dapat memberi sara hidup. Pengangguran ini ialah kerana negara dipaksa menerima sistem urusan perniagaan Barat yang dikatakan lebih terbuka dan adil. Jika pekerja terpaksa diberhentikan itu tidak mengapa kerana kononnya akhirnya ekonomi akan pulih.

15. Tetapi ekonomi tidak pulih setelah cara Barat diamalkan. Pengangguran bertambah kerana syarikat mengalami kerugian dan menjadi muflis. Pekerja terpaksa membantah, mogok dan merusuh. Sudah tentu tindakan ini memburukkan lagi ekonomi, menghalang pemulihannya. Dengan itu pekerja pula disalahkan kerana tidak mahu dibuang kerja dan menjadi papa kedana untuk kononnya menjayakan sistem pemulihan ala Barat.

16. Satu komentar Barat mendakwa penderitaan pekerja yang menganggur ialah kerana Kerajaan negara Asia tidak menyediakan "safety net" iaitu bantuan Kerajaan kepada yang tidak bekerja. Bahawa dalam sistem Asia pekerja dijamin

pekerjaan oleh majikan seumur hidup tidak dianggap sebagai cara menyelamatkan pekerja. Mereka hendak supaya majikan bebas membuang pekerja, dan Kerajaan, iaitu masyarakat, mestilah menanggung beban menyara hidup pekerja yang menganggur.

17. Ternampak jelas bahawa Barat menganggap apa sahaja sistem mereka, ia tentunya baik walaupun pengamalannya menyebabkan penderitaan berjuta manusia. Sebaliknya sistem Timur atau Asia dianggap buruk walaupun ia membawa kemakmuran dan kemajuan kepada rakyat dan negara.

18. Kita tidak berniat untuk membakar hati rakyat kita supaya benci kepada Barat. Kita akui ramai daripada mereka berprihatin dan benar-benar percaya mereka bertanggungjawab mengembangkan reformasi untuk kebaikan manusia di dunia. Tetapi kenyataan yang kita lihat amat berbeza daripada dakwaan mereka. Oleh itu kita tidak boleh pegang kepada dakwaan mereka. Kita perlu membuat penilaian kita sendiri akan apa yang sedang terjadi dan sebab-sebabnya ia terjadi. Kita perlu menerima hakikat bahawa kita mesti bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pengurusan negara kita.

19. Selama ini pun pembangunan negara kita adalah hasil dasar, cara dan usaha kita sendiri. Apabila rusuhan kaum berlaku dalam tahun 1969 orang asing hanya membuat ramalan bahawa Malaysia tidak mungkin aman kerana perkauman rakyat berbilang kaum kita yang begitu kuat. Tetapi kita telah berusaha sehingga hubungan kaum dipulih semula. Namun apabila sudah pulih, media mereka terus mendakwa bahawa walaupun hubungan kaum nampak baik tetapi sebenarnya ia tidak baik. Mereka mendakwa Dasar Ekonomi Baru sebagai tidak adil kepada rakyat Malaysia keturunan Cina, yang mana dakwaan ini boleh menimbulkan kebencian orang Cina terhadap orang Melayu dan mencetus semula rusuhan kaum.

20. Tetapi, Alhamdulillah, hasutan mereka tidak berkesan. Kita dapat menyusun semula masyarakat kita, membasmi kemiskinan dan menghapuskan identifikasi kaum dengan kegiatan ekonomi. Hasilnya ialah perhubungan antara kaum terus baik walaupun semasa ekonomi merosot.

21. Demikian jugalah dengan pemulihan ekonomi negara kita sekarang. Kita tidak boleh harap sama sekali kepada bantuan daripada orang asing. Kita mesti berusaha sendiri untuk memulihkan ekonomi negara kita dan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita.

22. Perkara yang pertama dan utama yang kita perlu tentukan ialah pengekaln keharmonian antara kaum dan kestabilan politik negara kita. Memang pun ada baru-baru ini percubaan untuk mencetuskan rusuhan kaum. Ramai juga yang terpengaruh dengan hasutan melalui "Internet". Tetapi kita telah dapat menumpas usaha ini. Kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap sesiapa juga yang cuba menghasut untuk mencetuskan rusuhan kaum di negara kita. Desakan orang asing supaya dihapuskan undang-undang ISA adalah kerana mereka ingin melihat kestabilan negara kita digawatkan dengan rusuhan kaum.

23. Selain daripada kestabilan politik dan hubungan kaum, kita perlu menentukan agar tidak ada tindakan perusahaan di negara kita. Kita bersyukur kerana masyarakat pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja bersikap bertanggungjawab dan tidak mengeruhkan lagi keadaan. Di masa yang sama majikan hendaklah menghargai sikap bertanggungjawab pekerja dengan menjaga kepentingan mereka. Di mana layanan boleh diberi, majikan hendaklah melayani tuntutan yang waras oleh pekerja.

24. Sebagai rakyat pula kita semua harus faham akan sebab-sebab dan bentuk tekanan daripada kegawatan ekonomi. Fahaman ini akan membolehkan kita bertindak untuk mengatasinya. Umpamanya walaupun kita perlu mengurangkan perbelanjaan, pengurangan ini hendaklah tidak menjejaskan perniagaan rakyat lain. Perbelanjaan untuk melancong keluar negeri merugikan kita tetapi melancong dalam negeri boleh menolong pemulihan ekonomi negara kita. Demikian juga peniaga yang menjual barang yang diimport harus berubah untuk menjual barang tempatan dan pembeli harus membeli barangan tempatan ini untuk menentukan peniaga tidak mengalami kerugian. Inilah yang dimaksudkan oleh Kerajaan sebagai perbelanjaan yang bijak.

25. Peniaga dan pengusaha pula harus meningkatkan perniagaan mereka. Negara ingin melihat mereka berjaya mendapat keuntungan yang wajar bagi mereka. Pengeluaran barangan untuk eksport dan untuk mengganti barangan yang diimport hendaklah ditingkatkan. Ini akan menambah pengaliran masuk tukaran asing dan mengurangkan pengaliran keluar. Kos pengeluaran semua barangan harus dikawal. Dengan nilai Ringgit menurun pelabur jangka panjang akan tertarik dengan kos dalaman yang rendah untuk pelaburan mereka. Janganlah kita naikkan kos hingga menjejaskan pelaburan.

26. Bank-bank kita perlu menolong memulihkan ekonomi negara. Mengurangkan pinjaman dan mengenakan syarat-syarat yang bukan-bukan hanya akan menghalang pemulihan ekonomi. Jika ekonomi tidak dipulihkan bank juga akan menghadapi masalah, bahkan akan bankrap. Bank sepatutnya mengutamakan kepentingan negara dan tidak melayan sebarang usaha yang boleh menjejaskan lagi ekonomi negara. Bank hendaklah patuh kepada dasar dan arahan Kerajaan walaupun ini mungkin mengurangkan sedikit keuntungan jangka pendek bank. Jika dan apabila ekonomi dipulih bank akan mendapat balik keuntungan yang dikorbankan, bahkan lebih daripada itu. Ingatlah kejayaan bank-bank di Malaysia adalah kerana dasar dan pendekatan Kerajaan dalam mentadbirkan negara.

27. Tujuan Kerajaan adalah tidak lain selain daripada memulihkan ekonomi dan menebus semula maruah bangsa dan negara kita. Kemerdekaan kita selama 41 tahun ini tidak akan bermakna jika rakyat dan negara kita dikuasai dan dijajah semula oleh orang asing.

28. Dalam tempoh dua minggu lagi negara akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel (Sukom), acara sukan terbesar yang pernah kita adakan di negara kita. Walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi kita yakin kita dapat menguruskan acara sukan ini dengan jayanya. Kita juga yakin atlit kita yang begitu bersemangat akan memenangi pingat yang banyak untuk negara.

Memandangkan kejayaan sukan ini penting demi imej baik negara, sukalah saya menyeru semua rakyat Malaysia supaya memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya untuk menjayakan sukan ini. Kejayaan Sukan Komanwel ini akan menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk menganjurkan acara-acara besar yang bertaraf antarabangsa.

29. Akhir sekali saya ucapkan selamat merayakan Hari Kebangsaan kepada semua lapisan rakyat Malaysia. Semoga kita berjaya dalam usaha kita memulihkan kembali ekonomi kita dan dengan itu memelihara dan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita.

30. Ingatlah, Negara Kita adalah hak dan tanggungjawab kita.